

PANDUAN PENDAFTARAN BORANG 5

PENGENALAN

Sesebuah firma audit hendaklah tidak dengan sengaja bersetuju supaya dilantik dan tidak dengan sengaja bertindak sebagai juruaudit bagi apa-apa syarikat dan tidak boleh menyediakan apa-apa laporan bagi pihak syarikat melainkan :-

- ✓ Semua pekongsi firma yang bermastautin di Malaysia adalah juruaudit yang diluluskan.
- ✓ Tiada pekongsi boleh hilang kelayakan di bawah subseksyen 9(1)(b), (c) atau (d) daripada bertindak sebagai juruaudit.

(Rujuk seksyen 9 Akta Syarikat 1965)

Tanggungjawab juruaudit adalah memastikan Borang 5 hendaklah diserahkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa pendaftaran firma audit baru dan apabila berlakunya perubahan maklumat kepada firma audit. Bagi maksud itu, sila pastikan :-

- ✓ Format Borang 5 seperti yang ditentukan di dalam Jadual 2, Peraturan-peraturan Syarikat 1966 digunapakai; dan
- ✓ Peraturan-peraturan 6(1), (2), (3), 6A dan 8A Peraturan-peraturan Syarikat 1966 adalah dipatuhi.

PROSEDUR PENDAFTARAN FIRMA AUDIT BARU

- ✓ Isikan Borang 5 dengan lengkap dengan mengosongkan ruangan nombor firma audit.

- ✓ Borang 5 yang lengkap diisi hendaklah diserahkan ke SSM dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-
 - Ø Salinan surat kelulusan penggunaan nama firma audit daripada Institut Akauntan Malaysia;
 - Ø Salinan surat kelulusan dari Kementerian Kewangan berhubung lesen yang diluluskan ; atau
 - Ø Salinan lesen juruaudit (Borang 4 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan).
- ✓ Bayaran pendaftaran sebanyak RM500.00; dan
- ✓ Sesalanan Borang 5 yang disahkan sebanyak RM5.00.
- ✓ Bayaran boleh dibuat secara tunai, Kiriman Wang, Wang Pos, Draf Bank.
- ✓ Kiriman Wang, Wang Pos dan Draf Bank hendaklah dibuat atas nama 'Suruhanjaya Syarikat Malaysia'.

PROSEDUR PENGEMASKINIAN PERUBAHAN MAKLUMAT FIRMA AUDIT

Selaras dengan Peraturan Syarikat 8A(4) Peraturan-peraturan Syarikat 1966, setiap perubahan maklumat pada firma audit hendaklah dimaklumkan kepada SSM dengan mengisi Borang 5 dan diserahkan ke SSM dalam masa satu (1) bulan dari tarikh perubahan tersebut.

Bagi tujuan berkenaan, tarikh kuatkuasa perubahan maklumat hendaklah dicatatkan di dalam Borang 5 berkenaan.

Tiada bayaran dikenakan untuk proses serahsimpan Borang 5 bagi maksud pengemaskinian perubahan maklumat firma audit.

MAKLUMAT AM

Borang 5 hendaklah disertakan bersama-sama dengan surat iringan dan diserahkan di kaunter tingkat 13, Putra Place (format adalah seperti di laman web ssm.com.my atau di papan kenyataan tingkat 13, Putra Place).

Firma audit yang berada di luar kawasan Lembah Kelang bolehlah menyerahkan Borang 5 dan dokumen-dokumen sokongan melalui mana-mana cawangan SSM atau kemukakan terus ke alamat berikut :-

**Bahagian Pematuhan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tingkat 11, Putra Place
100 Jalan Putra
50622 Kuala Lumpur
Untuk perhatian: Unit Pengawasan Juruaudit**

Sebarang pertanyaan berhubung pendaftaran dan pengemaskinian maklumat firma audit, sila hubungi talian berikut :

Telefon : 03-4047 6249 / 03-4047 6260
No. Fax : 03-4047 6311

CONTOH DAN PANDUAN MENGIISI BORANG 5

FORM 5

COMPANIES ACT 1965
SECTION 9(4)(a)

Firm No.

No Firma yang telah diperuntukkan dan akan diisi oleh Pendaftar Syarikat untuk kali pertama

RETURN OF PARTNERS OF FIRM OF AUDITORS

Name of Firm :

Nama firma yang telah diluluskan oleh MIA

Address of Firm :

Alamat Utama Firma

Date Commencement of Business :

Tarikh bermula perniagaan

Branch Address :

Alamat Cawangan (sekiranya ada)

The full names and addresses of all the partners of the firm with relevant dates are:-

Full Name	Residential Address	Qualification	Approval No. and Dates	Changes & Relevant Dates
Nama pemilik & rakan kongsi	Alamat pemilik dan rakan kongsi		No kelulusan yang dikeluarkan oleh MOF	Tarikh berlakunya perubahan untuk sebarang butiran / maklumat

Dated this :

Tarikh borang 5 disediakan

Tandatangan pemilik firma / salah seorang rakan kongsi. Catatkan nama penandatangan

.....
PARTNER'S SIGNATURE

Lodged by :

Nama, alamat, no telefon dan fax penyerahsimpan